

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI  
SALLEH**

**[ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 2**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah mekanisme penampungan (buffer mechanism) yang akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi memastikan usahawan Bumiputera terutamanya yang masih terperangkap di B40 setelah geran bantuan percuma usahawan Bumiputera dihapuskan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah merangka pelbagai strategi dan inisiatif untuk membangunkan keusahawanan secara holistik, kondusif dan inklusif merangkumi setiap peringkat usahawan dan lapisan masyarakat termasuk golongan usahawan Bumiputera di bawah kategori kumpulan isi rumah berpendapatan rendah B40. Walaupun tanpa pemberian geran bantuan percuma, MED masih menyediakan pelbagai bentuk sokongan dan bantuan kepada usahawan-usahawan Bumiputera B40, di antaranya seperti berikut:
  - (i) menyediakan program kursus dan latihan yang berstruktur untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran keusahawanan Bumiputera B40 di mana usahawan-usahawan ini bukan sahaja dilatih dan diberi bimbingan semasa tempoh kursus sahaja, malahan dilanjutkan lagi dengan *coaching and mentoring* sehingga tempoh tertentu untuk membantu usahawan ini meningkatkan daya saing dan daya tahan, sebagai contoh program INSKEN *Business Coaching* dalam bidang perniagaan runcit, *food truck*, pembuatan roti dan kek, *spa*, penjagaan selepas bersalin, *homestay*, jahitan, *carwash*, kedai gunting rambut dan sebagainya;
  - (ii) menyediakan kemudahan skim-skim pembiayaan yang bersesuaian seperti pinjaman mikro kredit dan pinjaman mudah, sebagai contoh Skim Pembiayaan Teman TEKUN, Skim Pembiayaan TEKUN Niaga, Skim Pembiayaan Program TemanNita dan sebagainya di bawah TEKUN Nasional;
  - (iii) walaupun tiada pemberian geran percuma sepenuhnya, MED melalui SME Corporation masih menyediakan program yang menawarkan bantuan dalam bentuk geran padanan (*matching grant*), sebagai contoh Program Peningkatan

**NO. SOALAN: 2**

Perusahaan Bumiputera (*Bumiputera Enterprise Enhancement Programme* - BEEP) dan Program Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS melalui *Business Accelerator Programme* (BAP);

- (iv) menggalakkan penglibatan usahawan Bumiputera B40 terutamanya dalam kalangan belia, wanita, ibu tunggal dan suri rumah menjalankan perniagaan secara atas talian (*online business*) yang tidak memerlukan modal yang tinggi bagi menyediakan premis perniagaan komersial; dan
- (v) memperkasa gerakan Koperasi dalam kalangan Bumiputera B40 termasuk menggalakkan penubuhan koperasi berasaskan komuniti sebagai salah satu pendekatan bagi merangsang pembangunan keusahawanan dalam kalangan golongan berpendapatan rendah ini. Gerakan Koperasi akan diperkukuhkan untuk menceburi bidang-bidang perniagaan baharu yang berpotensi memberikan pulangan hasil yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

\*\*\*\*\*